



## **KENYATAAN AKHBAR**

### **KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

#### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA**

(Bagi Minggu 05/2017 dari 29 Januari hingga 04 Februari 2017)

Bagi tempoh 29 Januari hingga 4 Februari 2017, sejumlah 1,550 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 308 kes (16.6%) berbanding 1,858 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat enam (6) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada Minggu ke-5 iaitu Sarawak, Johor, Melaka, Terengganu, Pahang dan Sabah. Jumlah kumulatif kes yang dilaporkan dari bulan Januari sehingga 4 Februari 2017 adalah 9,000 kes, berbanding 17,143 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 47.5% (8,143 kes). Terdapat tiga (3) kes kematian dilaporkan sepanjang Minggu ke-5 menjadikan kumulatif kematian Denggi sehingga 4 Februari 2017 adalah sebanyak 22 kematian, berbanding 37 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 15 kematian (47.5%). Dua (2) daripada 3 kes kematian menunjukkan tempat kediaman mereka mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi dan menyebabkan ianya berisiko jangkitan demam denggi berlaku.

Pemantauan lokaliti wabak menunjukkan sebanyak 602 lokaliti wabak yang masih aktif di 13 negeri iaitu Selangor, Perak, Johor, WPKL & Putrajaya, Negeri Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang, Sabah, Melaka, Sarawak, Kedah, Pahang dan Perlis. Terdapat 58 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 5 buah negeri iaitu di Selangor (44 lokaliti), Perak (6 lokaliti), Johor (5 lokaliti), Negeri Sembilan (2 lokaliti) dan Kelantan (1 lokaliti).

Walaupun bilangan kes Demam Denggi dan kematian menunjukkan tren penurunan sejak dua minggu kebelakangan ini, masyarakat terus diingatkan agar tidak alpa dan sentiasa menjaga kebersihan dengan memastikan kawasan persekitaran bebas dari pembiakan Aedes. Pastikan tiada bekas yang berpotensi untuk menampung air terutama pada masa yang tidak menentu antara musun hujan dan panas yang silih berganti.

KKM amat mengharapkan penglibatan komuniti setempat melalui aktiviti gotong-royong serta meluangkan masa 10 minit seminggu untuk menjalankan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan Aedes di persekitaran premis masing-masing. Masyarakat digalakkan untuk menggunakan bahan pembunuh jentik-jentik bagi bekas sukar untuk di bersihkan seperti tangki air, kolah mandi atau kolam hiasan . Selain itu, pemimpin masyarakat setempat juga diseru untuk lebih proaktif dalam menggerakkan komuniti, contohnya melalui program COMBI yang aktif menjalankan aktiviti pencegahan denggi di kawasan masing-masing.

Terdapat sebanyak 76 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 2 Februari 2017. Di Malaysia, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 1 Januari sehingga 4 Februari 2017, mendapati keputusan ujian bagi 122 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**14 Februari 2017**

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 5/2017  
(29 Januari hingga 4 Februari 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 5/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 5/2016	
		Minggu 4 (22 – 28 Januari 2017)		Minggu 5 (29 Januari – 4 Februari 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	5	0	3	0	12	0	40	0
2	Kedah	33	0	17	1	145	1	131	0
3	P. Pinang	48	0	29	0	214	2	907	7
4	Perak	166	1	141	0	673	3	633	0
5	Selangor	1030	2	817	1	4,831	5	8,372	12
6	WPKL & Putrajaya	151	3	134	1	726	6	1,122	1
7	N. Sembilan	83	0	51	0	341	2	487	5
8	Melaka	40	0	42	0	219	0	402	1
9	Johor	109	0	114	0	636	2	2,617	2
10	Pahang	36	0	37	0	286	0	474	1
11	Terengganu	6	0	7	0	36	0	800	6
12	Kelantan	73	0	64	0	444	0	347	0
13	Sarawak	38	0	53	0	203	0	234	1
14	Sabah	40	0	41	0	234	1	575	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	2	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1858</b>	<b>6</b>	<b>1550</b>	<b>3</b>	<b>9000</b>	<b>22</b>	<b>17143</b>	<b>37</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## Lampiran B

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	77	186
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	83	132
3	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	37	102
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Seri Pelangi : Blok 1 - 3 & Rmh Pangsa Seri Murni Blok 4)	43	96
5	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	17	96
6	SELANGOR	Sepang	Taman Anggerik	17	89
7	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 2	32	88
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2 )	71	87
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	54	86
10	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	27	74
11	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Panglima	25	73
12	JOHOR	Johor Bharu	Tperling_Layang	18	73
13	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bukit Kajang Baru	31	69
14	SELANGOR	Gombak	Kg Klang Gate	15	67
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b )	19	61
16	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Damai_Jln Harmoni	16	61
17	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Gohtong	10	58
18	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pendekar Jalan Tun	18	57

			Perak		
19	SELANGOR	Gombak	Condo Symphony Height	12	53
20	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 10)	13	53
21	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Seri Jarom	15	53
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	15	51
23	N. SEMBILAN	Seremban	Emerald Park	10	50
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	17	47
25	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 3 (Jln Indah 3)	18	47
26	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Melor	8	46
27	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	15	45
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8 )	8	44
29	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Gembira	8	44
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	19	43
31	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Flora Taman Impian Ehsan	7	43
32	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3 (Jln Changkat)	11	42
33	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Idaman Fasa 2 : Blok D,E,F,G,O,P,Q,R,S	6	42
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19 )	14	41
35	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Usj One Avenue Condo)	8	41
36	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Indah_Jln Pulai Indah /8	16	40
37	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 ( D,E,F,G,H,J,K,T,S,R )	12	40
38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	11	39
39	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bayu Puteri 3	14	38

40	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Taman Ampang Mewah	8	38
41	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 9a 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20 )	13	37
42	SELANGOR	Gombak	Kuarters Jheoa (Zon B)	5	37
43	PERAK	Kinta	Tmn Sin Far	22	36
44	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine ( Flat Putra Permai & Rumah Kedai )	13	35
45	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	8	34
46	PERAK	Kinta	Tmn Shatin	18	34
47	KELANTAN	Kota Bharu	Desa Wangi	21	34
48	SELANGOR	Gombak	Kg Laksamana Zon C	12	33
49	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Dato Hormat (Jalan Pandan)	12	33
50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bunga Kemboja 1-11 Taman Muda	5	32
51	SELANGOR	Sepang	Taman Dahlia Fasa 1	14	32
52	PERAK	Kinta	K/B Pasir Pinji	7	32
53	PERAK	Kinta	Tmn Hong Kong	5	32
54	SELANGOR	Kuala Selangor	Lorong Cakera Purnama (12/14-12/20)	11	31
55	PERAK	Kinta	Tmn Boon Bak	12	31
56	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 ( Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10 )	11	31
57	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 1 (Jln Mawar)	8	31
58	PERAK	Kinta	Rapat Setia	8	31